

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50050 KUALA LUMPUR.

Ruj.Kami: JK/MA 38 Jld. III
Tarikh : 31hb Mei 1990

Yang Arif Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Hakim Mahkamah Sesyen, Semenanjung Malaysia

Semua Majistret, Semenanjung Malaysia

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 1990

AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67
PROSIDING MENDESAK DAN PROSIDING BELUM SELESAI

Adalah memang dijangkakan bahawa beberapa kesulitan praktikal akan dihadapi dalam tempoh sementara pelaksanaan pindaan kepada seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan melalui Akta Pindaan A765. Bagi mengatasi kesulitan-kesulitan tersebut, arahan berikut hendaklah terpakai dalam tempoh sementara ini.

Prosiding
mendesak.

1. Dalam kes-kes kedesakan, prosiding boleh dimulakan atau dijalankan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan sebahagiannya dalam Bahasa Inggeris atau kesemuanya dalam Bahasa Inggeris dengan syarat bahawa -

(i) suatu sijil kedesakan yang menjelaskan kedesakan perkara itu dalam bahasa Inggeris difailkan oleh peguamcara berkenaan; dan

...2/-

(ii) salinan semua dokumen tersebut dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah difailkan dalam tempoh dua minggu atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan oleh mahkamah.

Prosiding
belum
selesai. 2. Prosiding-prosiding yang telah dimulakan sebelum
1hb Jun 1990 boleh, atas budi bicara mahkamah,
diteruskan sebahagiannya dalam Bahasa Kebangsaan dan
sebahagiannya dalam Bahasa Inggeris atau kesemuanya
dalam Bahasa Inggeris.

Dokumen. 3. Mengikut Aturan 92(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah
Tinggi 1980 dan Aturan 53(5) Kaedah-Kaedah Mahkamah
Rendah 1980, mana-mana dokumen yang pada asalnya
dalam Bahasa Inggeris bolehlah digunakan sebagai
ekshibit, dengan atau tanpa terjemahannya dalam
Bahasa Kebangsaan.

Mahkamah
hendaklah
menyelesai-
kan
pertikaian. 4. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian atau
kesulitan dalam pelaksanaan Akta Pindaan A765
seperti yang disebut terdahulu, yang tidak diliputi
oleh Arahan ini, Mahkamah boleh, atas permohonan
lisan oleh Peguam bagi mana-mana pihak atau atas
permohonan dengan cara Saman dalam Kamar secara

ex-parte atau Saman Pemula atau atas kehendaknya sendiri, memberi apa-apa arahan sebagaimana yang dikehendaki demi kepentingan keadilan.



(TAN SRI DATUK HASHIM YEOP A.SANI)

Hakim Besar Malaya

s.k.

YAA Ketua Hakim Negara)	Untuk makluman sahaja
Mahkamah Agung)	
YAA Hakim Besar Borneo)	

Ketua Pendaftar
Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.

Pengerusi Majlis Peguam, Malaysia Barat

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50050 KUALA LUMPUR

Our ref.: JK/MA 38 Vol. III

Date: 31st May 1990

The Hon'ble Judges and Judicial Commissioners,
High Court Malaya

All Sessions Court Judges, Peninsular Malaysia

All Magistrates, Peninsular Malaysia

PRACTICE DIRECTION NO. 2/1990

NATIONAL LANGUAGE ACT 1963/67
URGENT AND PENDING PROCEEDINGS

It will not be unexpected that some practical difficulties will be encountered in the interim period in the implementation of the amendment to section 8 of the National Language Act by Amendment Act A765. To surmount the difficulties aforesaid the following direction shall apply in the interim period.

Urgent proceedings, 1. In cases of urgency proceedings may be commenced or conducted partly in the National Language and partly in the English Language or wholly in the English Language provided that -

- (i) a certificate of urgency explaining the urgency of the matter in the English Language is filed by the solicitor concerned; and

(ii) copies of all such documents in the National Language shall be filed within two weeks or within such extended period as the court may allow.

Pending proceedings.

2. Proceedings commenced before 1st June 1990 may at the court's discretion be continued partly in the National Language and partly in the English Language or wholly in the English Language.

Documents.

3. In accordance with Order 92(1) of the Rules of the High Court 1980 and Order 53(5) of the Subordinate Courts Rules 1980 any document originally in the English Language may be used as an exhibit with or without a translation in the National Language.

Court to resolve difficulties.

4. In the event of any dispute or difficulty in the implementation of the Amendment Act A765 aforesaid not covered by this Direction the court may upon oral application by Counsel of either party or upon application by way of ex-parte Summons in Chambers or Originating Summons

